

“harta benda” ertinya mana-mana isyarat lalu lintas, bangunan, binaan, kenderaan peralatan dan perkakasan yang dimiliki oleh Universiti;

“isyarat lalu lintas” ertinya isyarat, tiang isyarat amaran, tiang arahan isyarat atau tanda atau alat yang didirikan atau disediakan pada atau berhampiran dengan jalan untuk pengetahuan, panduan atau petunjuk orang-orang yang menggunakan jalan;

“jalan” ertinya mana-mana jalan yang berada di dalam kawasan kampus dan termasuklah jambatan, hentian sebelah, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, bahu jalan, garis tengah dan juga tempat letak kereta;

“kakitangan” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Universiti dibawah Perlembagaan Universiti [P.U.A (460/2010)] dan mana-mana statut dan termasuklah pegawai dan guru;

“kampus” ertinya kampus Universiti termasuklah semua asrama, institusi dan bangunan, kompleks kepunyaan atau sewaan universiti;

“kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

“kenderaan motor” ertinya kenderaan daripada apa-apa perihalan, yang didorong oleh jentera menkanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan, dan termasuklah treler;

“Naib Canselor” ertinya Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah;

“penguatkuasa lalu lintas” ertinya mana-mana kakitangan Universiti yang dilantik menjadi penguatkuasa lalu lintas di bawah peraturan 2.2;

“pelajar” termasuklah mana-mana pelajar pra-siswazah, pelajar pasca-siswazah, pelajar sambilan, pelajar di bawah